



# Berit@UTeM

www.utm.edu.my | Edisi Julai - September 2016



*Kembara*  
Siswa Patriotik

*Salam Aidilfitri*

*Selamat*  
Hari Kebangsaan  
ke-59



Selamat Hari Malaysia





## Kembara Siswa Patriotik



Bersempena bulan kemerdekaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Program Kembara Siswa Patriotik pada 23-24 September yang lalu.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UTeM, Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, program dua hari itu bertujuan untuk memupuk semangat patriotik dikalangan generasi muda terutamanya para pelajar agar menghargai kehidupan mereka serta cintakan negara.

Menurut beliau, program itu melibatkan penyertaan lebih 2000 pelajar dari UTeM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Multimedia (MMU), Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST) serta beberapa Politeknik dan Kolej Komuniti sekitar negeri ini.

“Kami yakin melalui penganjuran aktiviti seperti Malam Orkestra

Patriotik, Kayuhan Patriotik dan Siswa Patriotik Bersama Komuniti ianya merupakan platform terbaik untuk mendidik dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme serta meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara dikalangan para pelajar” ujar beliau.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pegawai kanan KPT, UTeM serta para pelajar.

Pada malam tersebut turut berlangsung Malam Orkestra Patriotik yang menyaksikan kehebatan pelajar UTeM mempamerkan bakat dalam bidang muzik. Malam tersebut turut dimeriahkan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik oleh para pelajar serta deklamasi puisi oleh Idris, Shahrin serta tetamu kenamaan yang lain.

Program Kayuhan Patriotik sejauh 15 km turut diadakan di Kampus Bandar Jalan Hang Tuah dengan menyaksikan penyertaan lebih 300 peserta mengelilingi bandar Melaka.

Manakala Siswa Patriotik bersama Komuniti yang diadakan pada 24 September menyaksikan penglibatan para pelajar bersama penduduk-penduduk kampung di DUN Ayer Molek, DUN Durian Tunggal dan DUN Rim yang telah melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk membina lanskap patriotik, lukisan mural kemerdekaan, gotong royong, mengecat rumah orang miskin, sukaneka dan kenduri kesyukuran.

“Penganjuran program ini merupakan usaha berterusan pihak kementerian dalam menerapkan semangat patriotisme dan perpaduan dikalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan secara tidak langsung mewujudkan interaksi sosial dengan komuniti setempat” ujar beliau.

### SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

**Ketua Editor**  
Fazidah Ithnin


**Wartawan**  
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku  
Md Saabri

**Reka Letak Grafik**  
Shahril Hazizi Abu Bakar

**Jurufoto**  
Jurufoto Rasmi Universiti

**Pengedaran**  
Mohamad Haffize Ramli



Zulfatria Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengumumkan pelantikan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron sebagai Menteri Mentor UTeM bagi tempoh tiga tahun sehingga 2018.

Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini memberitahu, pelantikan tersebut telah dibuat oleh Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh.

Sebelum menjawat jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka, Idris merupakan ahli lembaga pengarah UTeM dari 2009 hingga 2013.

Pada tahun 2013, UTeM telah menganugerahkan ijazah kehormat Doktor Pengurusan Kejuruteraan kepada beliau bagi mengiktiraf kepakaran, sumbangan jasa dan bakti yang telah dicurahkan beliau semasa menjawat jawatan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta ahli Lembaga Pengarah UTeM.

Dalam perkembangan sama, UTeM turut memaklumkan pelantikan Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Mas Ermieyati Samsudin sebagai Timbalan Menteri Mentor UTeM baharu.

Mas Ermieyati yang juga merupakan Ahli Parlimen Masjid Tanah akan menjawat jawatan tersebut bagi tempoh tiga tahun sehingga 2018.

UTeM optimis pelantikan kedua-dua tokoh tersebut akan dapat menyumbang ke arah kemajuan akademik dan organisasi yang lebih cemerlang dalam menjadikan UTeM sebagai universiti awam yang cemerlang dalam pendidikan teknikal dan kejuruteraan di negara ini.



**KETUA MENTERI  
MELAKA**  
dilantik  
**MENTERI MENTOR  
UTeM**



## UTeM semarak kempen kibar Jalur Gemilang



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melancarkan kempen kibar Jalur Gemilang peringkat universiti bersempena sambutan bulan kemerdekaan yang ke-59.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kempen itu bertujuan untuk mempamerkan rasa cinta kepada negara terutama dalam menginsafi semangat perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan.

Menurut Shahrin, kempen tersebut merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh pihaknya sebagai sokongan dalam menzahirkan patriotisme dikalangan warga universiti tersebut.

“Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya rasa berbangga serta bersyukur terhadap keharmonian negara dan mengibarkan Jalur Gemilang adalah salah satu cara menunjukkan rasa cinta kepada tanah air” ujar beliau.

Ujar beliau lagi, bulan kemerdekaan yang disambut pada Ogos setiap tahun merupakan platform untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme serta meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara yang dikecapi ketika ini.

“Pelancaran kempen ini juga menunjukkan semangat kebersamaan UTeM bersama warganya untuk menyambut kemerdekaan” katanya ketika ditemui selepas melancarkan kempen tersebut di Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Beliau memberitahu, Jalur Gemilang merupakan simbol kebanggaan kita semua dan setiap rakyat negara ini perlu



mensyukuri dan berterima kasih kepada negara yang telah memberi peluang menikmati erti kemerdekaan.

Bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan itu, bendera Jalur Gemilang telah dipasang sekitar kampus-kampus UTeM termasuk di laluan utama universiti, bangunan-bangunan pentadbiran serta fakulti-fakulti.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dan pegawai serta warga universiti.



## UTeM, SEAMEO SEN jalin kerjasama strategik

Dalam usaha memperkasakan keperluan pendidikan khas di negara ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) Regional Centre for Special Education (SEN), Malaysia.

Kerjasama melibatkan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) itu menyaksikan UTeM sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia yang menawarkan kepakaran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan dan pengurusan teknologi bekerjasama dalam pelbagai bidang.

Dekan FTKM UTeM Prof. Dr. Burairah Hussin berkata, melalui MoU itu, kedua-dua pihak bekerjasama dalam perkongsian maklumat untuk tujuan penyelidikan, kerjasama akademik untuk pelajar dan staf, perkongsian kepakaran ICT dalam pembangunan aplikasi multimedia, keusahawanan, dan pendidikan khas.

"Selain itu, kedua-dua pihak juga akan terlibat dalam aktiviti latihan berkaitan akademik, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta khidmat perundingan dalam bidang ICT, multimedia, keusahawanan dan kejuruteraan yang dilihat akan meningkatkan lagi peranan SEAMEO SEN sebagai pusat serantau dan rujukan pendidikan khas dikalangan negara-negara ASEAN" ujar beliau.

Beliau memberitahu, UTeM dan SEAMEO SEN telah lama bekerjasama menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti berkeperluan khas di negeri ini yang terdiri daripada pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran seperti autisme, masalah penglihatan dan masalah pendengaran.

"Antara program yang telah dijalankan dan sedang giat diusahakan ialah Projek Autism Kits (C-TeD ISTE), Ibook on i-Solat dan ibakery for Special Learner dan Ekspo Young Entrepreneurial Inventor (EYEI 2015) anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan (C-TeD)" ujar beliau dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Ujar Burairah lagi, menerusi MoU ini juga pihak UTeM dan SEAMEO SEN akan melaksanakan kempen peluang pendidikan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) bagi pelajar bermasalah dalam pembelajaran dan

membangunkan profil kerjaya untuk mereka menyertai sektor pekerjaan mengikut kemahiran, minat dan bakat masing-masing.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Perempuan Melayu yang dihadiri oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib dan Pengarah SEAMEO SEN Dr. Yasmin binti Hussain.





## LAMAN WEB UTeM TERIMA PENARAFAN 5 BINTANG

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mencatat sejarah apabila laman web universiti tersebut menerima penarafan lima bintang dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk tahun kelima berturut-turut semenjak tahun 2011.

Berdasarkan kepada laporan 'Provider-Based Evaluation (ProBE)' tahun 2015 yang dikeluarkan baru-baru ini, MDEC telah melaksanakan penilaian terhadap hampir 900 laman web dan portal kerajaan dengan memfokuskan elemen seperti kandungan, kebolegunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, UTeM merupakan satu-satunya universiti di negara ini yang menerima penarafan lima bintang tersebut pada tahun lalu.

"Penarafan lima bintang tersebut merupakan hasil usaha dan komitmen berterusan semua pihak terutamanya Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPKK) serta Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori (PPPC) dan semua jabatan di UTeM dalam usaha memastikan portal UTeM menjadi sumber rujukan utama dan bermanfaat kepada pelajar, staf serta pelawat," katanya.

Menurut beliau, pengiktirafan itu juga akan melonjakkan lagi iltizam UTeM untuk terus mempromosikan nama universiti itu ke persada global menggunakan laman web selain penggunaan medium yang lain.

"Sebagai sebuah universiti teknikal awam yang sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai pihak, penggunaan laman web ini juga dapat membantu UTeM dalam menyebarkan luas maklumat dengan pantas serta menawarkan kemudahan atas talian kepada seluruh warganya pada bila-bila masa dan dari mana jua," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bersama Warga UTeM anjuran Pejabat Pendaftar yang berlangsung di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Ketua Pegawai Maklumat UTeM Mohd Isa Mohd Dom berkata, kerjasama erat daripada semua pihak dalam memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak MDEC telah membolehkan laman web UTeM mengekalkan penarafan lima bintang pada tahun lalu.

Jelas Mohd Isa, pada masa kini laman web UTeM turut menyediakan pelbagai modul dan kemudahan atas talian kepada warganya termasuk sistem permohonan cuti, pemarkahan pelajar, pendaftaran pelajar, pengurusan aset, e-Mesyuarat, e-Perolehan dan banyak lagi.

Pada masa ini, laman web UTeM menyediakan kandungan dan maklumat dalam enam bahasa iaitu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa Melayu.





Zulfatria Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

## E-TAG Julang nama UTeM di Singapura

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus cemerlang dalam konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dengan meraih penarafan emas pada pertandingan International Exposition on Team Excellence (IETEX) 2016 yang berlangsung di Singapura baru-baru ini.

Dalam pertandingan itu, kumpulan Molia dari Perpustakaan UTeM telah berjaya memperolehi penarafan emas dua bintang.

Ketua kumpulan Mohd Ikbar Abdul Jabbar berkata, mereka mempertaruhkan projek inovasi Eureka Tag (E-TAG) yang dicipta dalam membantu urusan penggunaan bilik karek yang terdapat di perpustakaan universiti tersebut.



"IREG merupakan sistem aplikasi pintar yang direka untuk membantu pihak universiti semasa pendaftaran pelajar. Secara puratanya pendaftaran pelajar di UTeM hanya memakan masa antara empat hingga lima minit sahaja bagi setiap pelajar untuk menyelesaikan urusan pendaftaran termasuk kad matrik serta pendaftaran asrama." ujar beliau.

Beliau yang juga merupakan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM berkata, kemenangan itu amatlah bermakna dan memperlihatkan keupayaan UTeM dalam menghasilkan produk inovasi berkualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kemenangan ini akan menjadi pembakar semangat kepada bukan sahaja kami malah kepada semua warga UTeM untuk terus memperkasakan budaya inovasi dan amalan peningkatan kualiti hingga ke peringkat global" ujar beliau.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan tersebut dan berharap pengiktirafan itu akan menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dikalangan warga UTeM dalam menyumbang kepada pembangunan universiti, masyarakat serta negara" ujar beliau.

ICQC 2016 merupakan konvensyen anjuran Persatuan Kawalan Kualiti Thailand dengan kerjasama Kementerian Perindustrian Thailand yang menyediakan platform untuk berkongsi pengetahuan, idea dan pengalaman berkaitan pengurusan dan kawalan kualiti.

## TechTez menyinar di Bangkok

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) turut mengharumkan nama negara dengan menerima penarafan emas pada International Convention Quality Control Circles (ICQCC) 2016, Bangkok, Thailand yang berlangsung baru-baru ini.

Dalam konvensyen tersebut, UTeM kumpulan techTez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah terpilih membawa cabaran Malaysia.

Pengarah PPPK UTeM Mohd Isa Mohd Dom berkata, kumpulan techTez telah mempersembahkan projek inovasi bagi Sistem Pendaftaran Pintar (iREG) yang dihasilkan oleh pihaknya dalam membantu pendaftaran pelajar baharu





## PERANAN PESARA AWAM MASIH PENTING

Khidmat dan peranan golongan pesara awam di negara ini masih penting dalam membantu menyebarkan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, walaupun tempoh perkhidmatan mereka telah tamat, pesara awam juga masih boleh memainkan peranan dengan terus bergiat aktif dalam aktiviti anjuran kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk terus menyumbang bakti dalam pembangunan negara.

"Dalam konteks UTeM, semua pesara UTeM disarankan untuk meneruskan perhubungan dan jalinan yang sedia ada, terutama dalam berkongsi kepakaran, pengalaman dan idea bemas ke arah kemajuan universiti" ujar beliau.

Shahrin memberitahu, sebagai sebuah universiti teknikal awam, UTeM memerlukan sokongan, idea dan cadangan daripada semua pihak dalam menjayakan aspirasi universiti tersebut untuk menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri.

"Sokongan dan sumbangan semua warga UTeM yang memberikan perkhidmatan terbaik telah menyaksikan kejayaan dalam pelbagai bidang semenjak penubuhan universiti ini pada tahun 2000" ujar beliau dalam majlis meraikan pesara-pesara UTeM di Kampus Induk Durian

meraikan pesara-pesara UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

"Seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan kepada universiti ini sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan UTeM hari ini dan menjadi contoh kepada staf lain yang masih berkhidmat" ujar beliau lagi.

Dalam majlis tersebut seramai enam orang staf UTeM yang telah bersara telah diraikan sebagai tanda penghargaan atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi sepanjang perkhidmatan di universiti tersebut.

Mereka yang diraikan ialah Timbalan Pendaftar Kanan Hal Ehwat Pelajar Zainudin Ahmad, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan (FPTT) Edna Buyong, Pensyarah Kanan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) Dr. Kalthom Husain dan Hassan Adnan, Pegawai Pusat Sukan Ishak Amin serta L/P Polis Bantuan Ramasamy A/L Annachacam.

Yang turut hadir Pendaftar Datuk Hassan Sirun, pegawai kanan universiti, Pengerusi BAKUTeM Zainal Bidin, Presiden UTeMASA Prof. Madya Mohd Ariff Mat Hanafiah, Pengerusi KEKUTeM Jamal Nasir Abd. Wahab dan presiden PRAKTIS Ahmad Faizal Abdul Rahman.





## UTeM TERIMA ANUGERAH GEOSPATIAL KEBANGSAAN



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah memenangi Anugerah Geospasial Kebangsaan (AGK) yang berlangsung pada 8 Ogos yang lalu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Anugerah tersebut merupakan satu inisiatif bagi mengiktiraf agensi-agensi yang bergiat aktif dan inovatif dalam bidang geospasial. AGK diperkenalkan bagi merangsang penggunaan teknologi geospasial seterusnya meningkatkan inovasi dalam bidang geospasial yang menjurus kepada pembangunan negara.

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Dr. Burairah Husin berkata, UTeM meraih kemenangan menerusi Projek Personal Remote Sensing System (PRSS) ciptaan pensyarah kanan FTMK Prof. Madya Dr. Asmala Ahmad dan pelajar Doktor Falsafah (PhD).

Menurut beliau, PRSS menawarkan kaedah yang inovatif dalam penggunaan teknologi "remote sensing" untuk tujuan peribadi. PRSS juga boleh dikendalikan oleh seorang pengguna pada mana-mana tempat dan bila-bila masa sahaja.

"Selaras dengan dasar kerajaan, PRSS dibangunkan untuk berperanan sebagai sistem penderiaan jauh

peribadi berdasarkan teknologi hijau di samping mesra pengguna. Selain itu, PRSS berupaya menghasilkan imej berkualiti tinggi dengan kos yang berpatutan dan boleh diadaptasikan untuk pelbagai aplikasi berbanding system remote sensing tradisional yang menggunakan satelit," katanya.

Jelas beliau lagi, objektif utama PRSS ialah untuk mengatasi isu kelewatan dan kos berkaitan data 'remote sensing satelit', menambahbaik resolusi spatial dan spectral system remote sensing sedia ada. PRSS juga menawarkan 'system remote sensing' yang mesra pengguna

"Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan kepada warga universiti dan merupakan pemangkin kepada penyelidik UTeM dalam menghasilkan inovasi bermutu dan berimpak tinggi" jelasnya.

Majlis penyampaian hadiah yang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Sekitar Datuk Ir. Hamim Samuri menyaksikan PRSS berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 10,000 plak dan sijil penghargaan.



Zulfatria Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

## Kembara Persaudaraan UTeM-Kemboja sempena Aidiladha

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Kembara Persaudaraan UTeM – Kemboja bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang lalu bagi membantu masyarakat Islam di sekitar Siem Reap, Pnom Penh.

Kembara itu juga bertujuan membantu masyarakat Islam di negara berkenaan di samping melebarkan lagi hubungan UTeM di peringkat antarabangsa.

Pengarah Pusat Islam UTeM Dr. Muhd Akmal Noor Rajikon berkata kembara itu merupakan sebahagian program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) universiti tersebut yang turut menyaksikan pelaksanaan ibadah korban dan akikah untuk diagihkan kepada beberapa buah perkampungan Islam di sana.

"Kembara ini merupakan program tahunan anjuran Pusat Islam UTeM sejak 2012 dan pada tahun ini sebanyak 17 ekor lembu dan 14 ekor kambing telah berjaya diagihkan hasil sumbangan warga UTeM, badan korporat serta orang perseorangan" ujar beliau.

Jelas Muhd Akmal Noor, kembara pada kali ini menyaksikan sumbangan yang diterima turut diagihkan dalam bentuk bantuan kewangan bagi membina dan membaik pulih masjid, sekolah serta bantuan persekolahan pelajar yang kurang berkemampuan.

"Alhamdulillah, pada tahun ini terdapat peningkatan sumbangan dan bantuan kewangan untuk disampaikan terus kepada masyarakat di beberapa perkampungan Islam yang daif di sana" ujarnya lagi.

Beliau memberitahu, selain pelaksanaan ibadah korban, pihaknya turut mengadakan program tazkirah, perkongsian ilmu dan motivasi serta ziarah ke perkampungan yang memerlukan bantuan.

"Terima kasih kepada semua pihak yang telah sudi untuk memberikan sumbangan bagi membantu meringankan beban penduduk di sana yang sangat memerlukan bantuan dalam menyambut ketibaan Aidiladha" ujar beliau.

Seramai lima orang staf dari Pusat Islam UTeM iaitu Mohd Nawawi Mohamad, Muhammad Iskandar Shah Ab Ahmid, Muhammad Ridhwan Mohd Danian, Haznizatul Azri Zainuddin serta Mohd Farid Supangi dari Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori telah menyertai kembara selama enam hari itu.





## UTeM tawar Sijil Tahfiz Al-Quran

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Darul Quran Jakim bakal mengadakan program Pensijilan Tahfiz Al Quran pada September ini.

Program Pensijilan Tahfiz al-Quran itu dikendalikan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM akan dilaksanakan bermula pada sesi 2016/2017 dan ditawarkan kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda UTeM sahaja.

Ketua Penyelaras Pogram Dr. Radzuan Nordin berkata, pelaksanaan program pensijilan ini adalah bagi melahirkan mahasiswa teknikal yang mampu menghafal al-Quran dalam tempoh pengajian mereka di UTeM selain para pelajar akan dibimbing untuk menghafal al-Quran dengan sistem yang disusun oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Pengajian tahfiz ini akan berjalan serentak dengan pengajian akademik yang akan ditempuhi oleh pelajar yang mengambil mana-mana jurusan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, tempoh pengajian untuk program ini adalah selama 6 semester (3 tahun)," katanya.

Radzuan Nordin berkata, bilangan pelajar yang disasarkan untuk setiap penawaran ialah 20 orang mahasiswa dengan pecahan 10 pelajar lelaki dan 10 pelajar perempuan dan tempat pengajian ini akan dilaksanakan di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM dan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan.

"Pelajar juga akan diberi penginapan dalam kampus sepanjang mengikuti program ini dan perlu tinggal di asrama yang sama dalam tempoh hafazan bagi membentuk suasana persekitaran huffaz agar dapat membudayakan akhlak al-Quran sesama mereka dan mampu menghafal dalam tempoh yang ditetapkan," jelasnya.

Menurut beliau, dengan adanya program seperti ini UTeM akan melahirkan mahasiswa professional yang berorientasikan pendidikan al-Quran selain membentuk graduan yang bersifat holistik dan berketerampilan selaras dengan keperluan semasa.



## UTeM LAKSANA IBADAH KORBAN

Sambutan Hari Raya Aidiladha di Masjid Sayyidina Abu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Selasa lalu, disambut dengan meriah oleh warga universiti walaupun dalam keadaan sederhana.

Program ibadah korban anjuran Pusat Islam dengan kerjasama Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) dan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) itu diadakan di perkarangan masjid UTeM dengan dihadiri oleh semua warga UTeM.

Menurut Pengarah Pusat Islam Dr. Muhd Akmal Noor Rajikon berkata, sebanyak tujuh ekor lembu dikorbankan pada tahun ini dan ianya sudah menjadi kebiasaan warga UTeM mengadakan ibadah korban secara bergotong royong pada setiap tahun apabila tibanya Hari Raya Aidiladha.

"Sambutan ibadah korban peringkat universiti pada tahun ini sangat menggalakkan apabila hampir semua staf UTeM turun bersama-sama untuk menjayakan program ini," katanya.

Katanya, penglibatan semua warga UTeM tersebut melaksanakan ibadah korban mampu untuk mengeratkan silaturrahim selain dapat menyuntik semangat kerjasama masyarakat tidak kira usia tua mahupun muda.

"Program ibadah korban ini menjadi medium menambahkan pengalaman dan ilmu berkaitan ibadah korban, sekaligus dapat mengukuhkan lagi ikatan ukhwah sesama warga UTeM," jelasnya.

Tambah Akmal lagi, adalah diharapkan program ibadah seperti ini dapat mencapai objektif yang telah digariskan dan memberi manfaat kepada warga UTeM dan juga diharapkan UTeM berjaya merealisasikan hasrat murni serta menjalankan tanggungjawab ibadah korban.

Pengagihan daging korban telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib sambil diiringi pegawai kanan UTeM.





Zulfatira Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

## UTeM prihatin mangsa kebakaran Tawau, Sabah

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyampaikan bantuan terhadap keluarga mangsa kebakaran di Kampung Tanjung Batu Tengah, Tawau, Sabah baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Mohd Azmi Mat Said berkata, sumbangan berupa wang tunai itu dikutip daripada warga UTeM untuk disampaikan keluarga mangsa yang telah terjejas teruk.

"Atas dasar keprihatinan dan semangat persaudaran, pihak kami telah melancarkan kutipan derma bertujuan untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga tersebut yang mana salah seorang ahli keluarganya iaitu Azean Ahmad merupakan staf di universiti ini" ujar beliau.

Menurut Mohd Azmi, seluruh warga UTeM melahirkan rasa simpati dengan musibah yang menimpa mangsa-mangsa kebakaran di kampung tersebut dan berharap mereka tabah menghadapi ujian tersebut.

Sumbangan tersebut telah disampaikan Timbalan Naib

Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad.

Dalam kejadian tersebut sejumlah 50 buah rumah telah musnah sama sekali dengan anggaran kerugian ditanggung oleh setiap keluarga melebihi RM50,000.

Kedudukan rumah yang telah diduduki hampir 30 tahun di atas kawasan air paya bakau itu agak rapat antara satu sama lain menyebabkan api merebak dengan cepat sekali ditambah pula kejadian berlaku pada siang hari dengan cuaca yang agak panas.



## UTeM rangkul Anugerah Hijau Negeri Melaka 2016

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dinobatkan sebagai johan Anugerah Hijau Negeri Melaka 2016 bagi kategori institusi pengajian anjuran Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM).

Pengarah Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA) UTeM Prof. Madya Juhari Ab Razak berkata, penyertaan kali pertama universiti tersebut membuktikan komitmen dan iltizam UTeM dalam usaha melestarikan amalan hijau dalam kampus.

"UTeM telah mengambil beberapa inisiatif dalam melaksanakan kluster pengurusan hijau yang inovatif dan mampan ke arah menjadikan kawasan dalam universiti sebagai Kampus Hijau meliputi Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Teknologi Ayer Keroh dan Kampus Bandar" ujar beliau.

Menurut Juhari, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihaknya termasuk pengurusan tenaga, pengurusan air dan pengurusan sisa pepejal yang mampu mengurangkan pembebasan karbon dioksida bagi menjamin pengkalan alam sekitar yang sihat.

"Selain itu, UTeM turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di bawah Program Pemindahan Ilmu (KTP) bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang lestari" ujar beliau ketika ditemui pada majlis penyampaian anugerah tersebut di sini.

Tambah beliau lagi, UTeM turut aktif dalam menganjurkan simposium dan seminar membicarakan pelbagai isu dan topik berkaitan sektor tenaga meliputi isu-isu seperti kekurangan sumber, pencemaran alam sekitar, bekalan tenaga luar bandar dan perlepasan gas rumah hijau serta kaedah-kaedah penyelesaiannya" ujar beliau.

Beliau memberitahu PKA merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan aktiviti amalan hijau dan pengurusan tenaga di UTeM bukan sahaja banyak membantu menjimatkan penggunaan elektrik dan air, malah turut efektif dalam mengurangkan sisa pepejal.

"Melalui sistem pengurusan yang mampan dan sokongan padu dari semua warganya terutamanya dari Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pengurusan universiti bersedia untuk mendepani cabaran dalam menjadikan UTeM sebagai Kampus Hijau sekaligus membantu kerajaan negeri merealisasikan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020" ujar beliau.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron yang turut menyaksikan penyertaan pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi kerajaan dan badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), sekolah serta universiti awam melibatkan 9 kategori.





Nur Nadhirah - Jurufoto Rasmi Universiti

## Go Save, Go Green dapat Penarafan Emas KIK

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus cemerlang dalam konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dengan meraih penarafan emas pada Konvensyen Team Excellence 2016 Wilayah Selatan yang telah berlangsung baru-baru ini.

Dalam pertandingan itu, kumpulan Go Save dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Go Green dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) berjaya mengulangi pencapaian UTeM pada konvensyen tahun lalu.

Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Dasar dan Kualiti UTeM Wahi Nordin berkata, kumpulan Go Save telah mempersembahkan projek penggunaan pendingin hawa yang tidak sistematik, manakala Go Green mempertaruhkan projek e-Attendance.

Menurut beliau, konvensyen itu telah berjaya memberi pendedahan kepada peserta dari UTeM mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam menghasilkan penyelesaian yang kreatif dan inovatif serta impak dan keputusan ke atas projek.

Konvensyen anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu bertujuan untuk menggalakkan dan mempergiatkan usaha agensi dan organisasi di negara ini dalam meningkatkan produktiviti serta platform bagi melahirkan bakat dan modal insan yang kreatif dan inovatif.

Lebih 50 pasukan dari pelbagai agensi dan organisasi termasuk sektor pendidikan, kesihatan serta perbandaran yang juga bertujuan menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dikalangan pekerja yang dapat diaplikasikan dalam proses kerja seharian.

Konvensyen dua hari itu turut bertujuan memilih pasukan terbaik untuk mewakili Wilayah Selatan ke Persidangan Produktiviti dan Inovasi (APIC) Oktober ini di Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan sama, kedua-dua kumpulan ini turut berjaya meraih penarafan emas dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) peringkat universiti awam yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Ogos lalu.



## KELAB PEKERTI UTeM HULUR SUMBANGAN

Persatuan Kebajikan dan Rekreasi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (PEKERTI) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus melaksanakan aktiviti kebajikan membantu golongan yang kurang berkemampuan dengan menghulurkan sumbangan bagi membantu meringankan beban sempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Menurut Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial dengan mengagihkan barang keperluan berbentuk makanan kepada 24 buah keluarga di sekitar Melaka Tengah.

"Program ini turut mendapat kerjasama daripada semua ahli-ahli kelab PEKERTI yang turut membantu untuk mengagihkan sumbangan ini kepada mereka yang kurang kemampuan. Selain itu, aktiviti ini adalah sebahagian daripada aktiviti kebajikan kelab dan ianya bertujuan memupuk rasa keinsafan dalam diri," katanya.

Beliau berkata, walaupun bantuan yang diberikan bukan dalam bentuk kewangan namun sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban yang ditanggung sebelum mereka menerima bantuan daripada agensi kerajaan nanti.

"Pihak kami bersyukur kerana berjaya melakukan aktiviti sosial ini dan lebih membanggakan lagi sumbangan yang diberi itu datang dari ahli kelab PEKERTI sendiri," katanya ketika ditemui semalam.

Ujarnya, selain memberikan bantuan kepada golongan kurang kemampuan, beliau yakin aktiviti seperti ini juga merupakan satu platform terbaik kepada semua ahli kelab PEKERTI untuk menyemarakkan aktiviti kemasyarakatan serta menerapkan kemahiran insaniah dalam bulan yang mulia ini.

Turut hadir Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib serta warga UTeM.







myutem

UTeM Official In  
[www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my)





Ikuti

Instagram Where Great Technical Careers Begin!  
my





## UTeM Iantik Ahli Lembaga Pengarah Baharu

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengumumkan pelantikan tokoh korporat Mohd Nazri Md Shariff sebagai ahli lembaga pengarah universiti (LPU) yang baharu berkuatkuasa mulai 15 Julai 2016 hingga 14 Julai 2019.

Pelantikan tersebut bagi menggantikan Datuk Dr. Abdul Raman Saad yang telah tamat tempoh pelantikannya sejak dilantik pada 2008 yang lalu.

Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini memberitahu, Mohd Nazri, 50, ketika ini merupakan Ketua Pegawai Kewangan di Perbadanan PR1MA Malaysia.

Sebelum menyertai Perbadanan PR1MA Malaysia, beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan di Tradewinds (M) Berhad dan Padiberas Nasional Berhad. Beliau memulakan kerjayanya di Clarke Walker Chartered Accountants di United Kingdom, dimana beliau bekerja sehingga tahun 1994. Beliau kemudiannya kembali ke tanah air dan melanjutkan kerjayanya bersama organisasi seperti Bank of Commerce (M) Berhad, Amanah Capital Group dan anak syarikat MMC Corporation Berhad di mana beliau memegang beberapa jawatan penting.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang kewangan dan perakaunan. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants) dan ditauliahkan sebagai ahli Persatuan Bertauliah Akauntan (Association of Chartered Accountants), United Kingdom.

Dalam perkembangan sama, UTeM turut memaklumkan pelantikan Pengarah Bahagian Education Malaysia Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Jamalulail Abu Bakar sebagai ahli LPU silih ganti kepada KPT dalam LPU UTeM mulai 1 Mei yang lalu hingga 30 April 2018.

**Y.BRS. EN. JAMALULAIL BIN ABU BAKAR**  
(1 May 2016 – 30 April 2018)



**Y.BRS. ENCIK MOHD NAZRI BIN MD. SHARIFF**  
(15 July 2016 – 14 July 2019)



## Mini UTeMEX 2016 serlah bakat penyelidik

Penyelidik daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mempamerkan bakat dalam bidang penyelidikan dan inovasi pada Mini Ekspo Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMEX) yang berlangsung baru-baru ini.

Mini ekspo anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) itu telah menyaksikan penyertaan lebih 100 produk penyelidikan daripada kalangan pensyarah pelbagai fakulti sekaligus membuktikan kecemerlangan dan kemampuan penyelidik UTeM dalam mencetuskan daya inovasi yang tinggi menerusi produk penyelidikan bermutu tinggi.

Pengarah Pusat Pengkomersilan, Prof. Ir. Dr. Sivarao a/l Subramonian berkata, Mini UTeMEX bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti dan daya saing para penyelidik universiti dalam menghasilkan produk berasaskan penyelidikan agar lebih berinovatif, berimpak serta bernilai komersil.

Menurut beliau, Mini UTeMEX menyaksikan beberapa kategori dipertandingkan iaitu Teknologi Hijau, Teknologi Mendatang, Sistem Kejuruteraan, Interaksi Manusia-Teknologi dan kategori terbuka.

"Penganjuran aktiviti ini jelas membuktikan komitmen UTeM untuk menyemarakkan budaya inovasi di peringkat universiti dan merupakan peluang terbaik kepada warga universiti dalam meletakkan usaha dan kesungguhan menggunakan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman bagi menghasilkan produk penyelidikan bermutu tinggi" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, Mini UTeMEX itu juga merupakan platform kepada para penyelidik UTeM untuk mempamerkan produk ciptaan mereka sebelum dipilih untuk membawa cabaran universiti dalam pertandingan inovasi di dalam dan luar negara.



## UTeM terima 2483 Pelajar Baharu, Pelajar Lelaki kekal Penguasaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal apabila menerima kemasukan seramai 2483 pelajar baharu bagi sesi akademik 2016/2017.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, daripada jumlah itu, seramai 1949 pelajar telah berjaya mendapat tempat meneruskan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda manakala seramai 534 pelajar di peringkat diploma.

"Bidang kejuruteraan masih mencatatkan kemasukan pelajar tertinggi iaitu seramai 1054 pelajar, diikuti bidang teknologi kejuruteraan seramai 643 pelajar, manakala bidang teknologi maklumat (ICT) pula seramai 447 pelajar, dan 339 pelajar dalam bidang pengurusan teknologi" ujar beliau.

Menurut beliau, pendaftaran itu juga menyaksikan pelajar lelaki terus mendominasi kemasukan di UTeM dengan jumlah sebanyak 57 peratus berbanding pelajar perempuan.

Jelas Shahrin, kaedah pembelajaran yang praktikal dan berfokus merupakan antara faktor utama UTeM terus menjadi pilihan untuk melanjutkan pengajian tinggi di negara ini.

"Penawaran kursus akademik berkualiti berasaskan bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) serta kemampuan

UTeM melahirkan graduan berkeترampilan, berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak industri turut menjadi penyumbang kepada peningkatan pelajar saban tahun." ujar beliau ketika ditemui pada majlis perasmian Minggu Haluan Siswa (MHS) universiti itu di Kampus Induk Durian Tunggal.

Shahrin turut menyeru para pelajar yang ditawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian untuk mengutamakan tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan menggunakan peluang yang ada untuk melakar kejayaan.

"Berikanlah sepenuh tumpuan kepada hal ehwal pembelajaran, menghindari amalan-amalan negatif seperti malas, ponteng kelas dan sentiasa ingat kepada ibu bapa yang tidak pernah henti mendoakan kejayaan anda semua" ujar beliau lagi.

Majlis Perasmian MHS telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron yang turut dihadiri oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri Datuk Wira Md. Yunus Husin dan pengurusan kanan universiti.

Pelbagai program telah direncanakan sepanjang MHS berlangsung termasuk sambutan ambang kemerdekaan, ceramah motivasi, latihan dalam kumpulan, riadah dan keagamaan.





Zulfatira Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

## UTeM anjur Penerangan Warga Pendidik

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNK) telah menganjurkan Program Outreach 2016 bagi memberikan penerangan kepada guru-guru sekolah mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh universiti berkenaan.

Timbalan Pendaftar Kanan UTeM Mohd Azmi Mat Said berkata, program penerangan itu melibatkan lebih 200 orang peserta yang merupakan guru-guru kaunseling sekolah sekitar negeri itu.

Menurut beliau, dalam program tersebut pihaknya telah menyampaikan taklimat mengenai peluang pendidikan tinggi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda serta kursus-kursus yang ditawarkan UTeM terutamanya kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

"Para guru telah diberikan penerangan mengenai penawaran program akademik berasaskan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) serta pelaksanaan pengambilan pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda melalui kaedah Mod Kemasukan Baharu Bagi Isi Rumah 40% Terendah (Bottom 40%) yang telah mula dilaksanakan di UTeM mulai Sesi Akademik 2013/2014 yang lalu" ujar beliau.

Jelasnya, UTeM turut menawarkan program-program ijazah sarjana muda kejuruteraan secara broad-based bagi memperkasa bidang TVET serta melahirkan graduan berkualiti dalam memenuhi keperluan pasaran pekerja mahir negara menjelang 2025.

"UTeM akan terus komited dalam menawarkan kursus akademik yang berkualiti dan diiktiraf bagi melahirkan graduan TVET yang punya kemahiran teknikal tinggi, kemahiran komunikasi, bersahsiah murni dan berketrampilan agar sentiasa mendapat perhatian dan pilihan daripada pihak industri dan majikan di negara ini" ujar beliau.

Mohd Azmi memberitahu, sebagai sebuah universiti awam yang berfokus kepada bidang teknikal dan kejuruteraan, UTeM menawarkan peluang kepada lepasan SPM dan STPM yang berkelayakan untuk menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Tambah beliau lagi, mereka juga berpeluang untuk mengikuti pengajian dalam bidang keusahawanan dan komputer sains yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan (FPTT) serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

"Kami berharap penganjuran program ini akan dapat membantu para guru-guru untuk menyampaikan penerangan lanjut kepada pelajar mereka mengenai struktur program akademik di UTeM termasuk kemudahan, fasiliti dan yuran pengajian yang boleh membantu mereka membuat pemilihan kursus yang bersesuaian dengan minat dan pencapaian akademik masing-masing" ujar beliau.



## Pemakluman Tarikh Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Dengan sukacitanya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ingin memaklumkan bahawa tarikh Majlis Konvokesyen Ke-12 UTeM akan diadakan pada ketentuan seperti berikut:

**Tarikh :** 14 dan 15 November 2016  
(Isnin dan Selasa)  
**Masa :** 8.00 pagi – selesai  
**Tempat :** Dewan Besar, Kampus Induk  
Durian Tunggal Melaka

Tarikh tersebut telah mendapat persetujuan daripada Yang diPertua Negeri Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM.

Untuk makluman, buat pertama kalinya UTeM akan melaksanakan majlis konvokesyen pada hari bekerja sebagai suatu usaha dan inisiatif strategik yang bakal menyaksikan pengurusan dan pengendalian Majlis Konvokesyen berlangsung dengan lebih berkesan dan efisien.





Zulfatria Abdullah - Jurufoto Rasmi Universiti

## Kayuhan EMAS NC UTeM

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib membuktikan kehebatan dalam sukan basikal apabila berjaya meraih pingat emas acara basikal kategori VIP pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) yang berlangsung baru-baru ini.

Beraksi di Kompleks Sukan Tuanku Najihah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai itu, Shahrin berjaya mempamerkan kayuhan bertenaga menewaskan cabaran pelumba dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan tuan rumah USIM.

Shahrin berjaya mengatasi cabaran pelumba lain dengan mencatatkan masa 1:13.47 saat dalam perlumbaan sejauh 20 kilometer.

Dalam perkembangan yang sama, UTeM turut berjaya meraih pingat emas melalui acara merejam lembing dan bola jaring senior.

Ketua Kontinjen UTeM Mohd Isa Mohd Dom berkata, dalam kejohanan edisi ke 41 itu, UTeM turut berjaya meraih lima pingat perak melalui acara dart, 4x100 meter, merejam lembing, lontar peluru dan lawn bowls individu wanita.

Beliau memberitahu, pingat gangsa disumbangkan melalui acara bolasepak veteran, 100 meter lelaki, 200 meter lelaki dan boling padang individu lelaki serta tiga sepasukan wanita. "Alhamdulillah, kutipan pingat pada kejohanan edisi ke 41 ini berjaya mengatasi pencapaian UTeM pada SUKUM ke 40 yang memperolehi 2 emas, 3 perak dan 2 gangsa" ujar Mohd Isa.

Menurut beliau, pihaknya berpuas hati dengan komitmen dan tahap disiplin yang ditunjukkan oleh kontinjen UTeM yang terdiri daripada 87 orang atlet dan 12 orang pegawai sepanjang kejohanan itu berlangsung.

Sementara itu, Pegawai Belia dan Sukan UTeM Mohd Fairuz Azwad Mohd Zauwawi berkata, Pusat Sukan universiti itu akan terus komited dalam melaksanakan pelan pembangunan bakat dikalangan staf secara berterusan bagi melahirkan atlet berprestasi untuk menghadapi kejohanan dan acara sukan pada masa hadapan.



## BERBASIKAL RENTAS 5 NEGERI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kayuhan Jelajah Merdeka sejauh 863 kilometer merentasi lima negeri bagi menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan.

Ketua Pusat Sukan UTeM Dr. Asiah Mohd Pilus berkata, jelajah selama lima hari itu bertujuan untuk memupuk semangat dikalangan generasi muda terutamanya para agar dapat menghargai kehidupan mereka sekali gus menanamkan semangat patriotik.

"Kayuhan ini melibatkan seramai tujuh pelumba yang terdiri daripada pelajar UTeM yang akan menjelajah negeri-negeri meliputi Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Pahang" ujar beliau.

Jelajah tersebut melibatkan lima peringkat membabitkan laluan bermula dari Kampus Induk Durian Tunggal, Klang, Kuala Selangor, Lumut, Cameron Highlands, Tapah, Bukit Fraser dan Shah Alam.

Menurut beliau, kesemua mereka merupakan atlet Pusat Sukan Tumpuan Berbasikal UTeM yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha melahirkan pelumba basikal yang berbakat sekaligus mempertingkatkan kecemerlangan sukan tersebut di negara ini.

"UTeM sentiasa komited dalam menganjurkan program sebegini yang dilihat dapat menyemarakkan semangat kemerdekaan dengan rasa patriotik dan cintakan negara selain daripada program lain yang turut diadakan oleh pihak kami pada setiap tahun" ujar Asiah ketika ditemui di majlis pelepasan jelajah tersebut di Dataran Canselori Kampus Induk, Durian Tunggal.

Beliau memberitahu, jelajah tersebut juga secara tidak langsung merupakan latihan persediaan kepada para pelumba untuk menghadapi kejohanan-kejohanan yang akan datang.

Majlis pelepasan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib yang turut dihadiri oleh Bendahari UTeM Khairul Taib dan Timbalan Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Misdom Lan.





# UPCOMING EVENTS



MEDIA  
SOSIAL  
UTeM

**MyUTeM**  


  
 are u connected?

